

Kursus pembiakan durian bantu beri pendedahan



KENANGAN... Peserta Kursus Pembiakan Durian Musang King (D197) yang diadakan di Pusat Pertanian Putra (PPP) UPMKB bergambar kenangan.

BINTULU: Seramai 23 peserta menghadiri Kursus Pembiakan Durian Musang King (D197) di Pusat Pertanian Putra (PPP), Universiti Putra Malaysia Kampung Bintulu Sarawak (UPMKB), baru-baru ini.

Para peserta kebanyakannya berasal dari Miri, Kuching, Kanowit, Sibu dan juga Bintulu.

Pegawai Pertanian Kanan Pusat Pertanian Putra UPMKB, Sat Maling berkata kursus itu memberi pendedahan tentang

kaedah penanaman dan penyelenggaraan yang betul berkenaan tanaman durian itu.

Beliau berharap, penganjuran kursus itu sedikit sebanyak akan membantu pekebun menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan

penanaman dan pengurusan, terutamanya melibatkan durian Musang King.

Antara pengisian kursus itu adalah seperti senario dan potensi D197, morfologi, jenis-jenis klon atau varieti, kaedah pembiakan dan media penanaman D197.

Dalam kursus tersebut, para peserta didedahkan dengan kaedah pengurusan penanaman, penjagaan dan penyelenggaraan selepas penanaman serta kos pengeluaran berkaitan durian, latihan amali pembiakan dan penanaman.

Timbalan Pengarah PPP UPMKB, Prof. Madya Dr. Amy Halimah Rajaei selaku penasihat kursus tersebut turut memberitahu program tersebut memberikan

manfaat kepada semua peserta yang hadir. Ini kerana, menurut beliau, potensi industri tanaman durian dan permintaan terhadap varieti berkenaan berupaya mendatangkan pendapatan lumayan serta tempat di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Katanya lagi, kursus itu merupakan satu daripada rangkaian kursus yang dirancang pada 2023 dalam merealisasikan program 'University4Society' melalui Kursus Pemindahan Teknologi Pertanian dan Pengembangan Pertanian kepada masyarakat umum.

Untuk makluman, PPP UPMKB bakal menganjurkan Kursus Pembiakan Tanaman Bungaan dan Penyediaan Media Semaian pada 23 September ini.